

NEGARA ISLAM

Dalam pidatonya di Persidangan Konstituante (Majlis Penggubal Undang-undang Dasar Negara Indonesia), Tuan Haji Mohammad Natsir, Ketua Umum Masyumi, telah memberikan penjelasan tentang bentuk negara yang dikehendaki Islam. Antara lain beliau berkata seperti berikut:

Saya ingin menyampaikan seruan yang sungguh-sungguh kepada saudara-saudara yang mendukung Pancasila.

Sila-sila yang saudara-saudara maksud itu ada terdapat dalam Islam. Sebagai nilai hidup yang mempunyai tujuan yang tegas jelas. Dengan menerima Islam sebagai falsafah negara, saudara-saudara pembela Pancasila sedikitpun tidak kerugian apa-apa. Baik sebagai pendukung Pancasila atau sebagai orang yang beragama. Malah akan memperoleh sebuah negara yang mempunyai falsafahnya, yang hidup berjiwa dan mengandungi kekuatan.

Tak ada satu pun dari lima Sila yang terkandung dalam Pancasila yang akan terluput atau gugur, apabila saudara-saudara menerima Islam sebagai dasar negara.

Islam ialah satu agama untuk menyempurnakan nilai-nilai akhlak yang baik. Kita sekarang hendak menentukan dasar negara dan kita semua memang bermaksud memelihara nilai-nilai yang baik di dalam kalangan bangsa kita. Oleh itu maka kalau Islam menjadi dasar negara, dengan sendirinya dia segera akan melihat dan memeriksa apa nilai-nilai yang

sudah ada dalam masyarakat.

Islam misalnya, segera melihat, bahawa pada bangsa kita ada nilai kesukaan tolong-menolong. Ini ialah sebagai contoh yang mudah dilihat pada bangsa kita. Islam akan segera berseru: nilai ini mestilah dipelihara dengan baik, sebab ia termasuk dalam ajaran Islam.

Saya ingin menegaskan suatu perintah agama yang tersebut di dalam Quran: “*Wa ta’awanū ‘alā al-birr wa al-taqwā*”.

Bukan itu sahaja, bahkan Islam yang dipeluk oleh sebahagian yang terbesar dari rakyat Indonesia, ialah suatu ideologi. Islam bukan semata-mata satu agama dalam erti hubungan manusia dengan Tuhan. Islam mengandungi dua unsur:

Unsur hubungan manusia dengan Tuhannya dan unsur hubungan manusia sesama makhluk. Unsur ibadat dan muamalah.

Unsur yang kedua ini meliputi hidup orang perseorangan, berkeluarga dan bernegara.

Dalam menghadapi kenegaraan seperti Undang-undang Dasar Negara, dengan sendirinya kita terutama berhadapan dengan

ajaran Islam yang tersimpul di dalam unsur yang kedua tadi, yakni unsur muamalah.

Orang barangkali tertanya-tanya bagaimanakah Islam dapat mengatur negara yang moden ini, yang harus menghadapi 1001 soal yang berbelit-belit.

Bagi menghilangkan keraguan yang demikian itu, seyogialah diketahui, bahawa Islam tidaklah mengatur 1001 perkara-perkara kecil yang dijelaskan keadaannya satu persatu, iaitu perkara-perkara yang boleh berubah-ubah menurut keadaan dan kehendak zaman. Islam memberikan kepada kita dasar-dasar pokok yang sesuai dengan fitrah (keadaan semulajadi – P) manusia yang berkekalan dan tidak berubah, yang boleh berlaku di segala tempat dan segala zaman, baik pada zaman dahulu kala atau pun dalam zaman moden.

Islam mempunyai satu kaedah mengenai soal ibadat, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan – “Semua terlarang kecuali yang disuruh”. Dan mengenai hidup keduniaan, “Semua boleh kecuali yang terlarang”. Menurut istilah hukum Islam, hal itu dinamakan: “*al-Barā’ah al-Ashliyyah*”.

Islam memberikan dasar-dasar pokok untuk mengatur hidup keduniaan yang bersifat kekal. Selain daripada itu ia menerangkan batas-batas (*hudūd*) yang boleh dan tidak boleh, batas-batas patut dan mana yang tak patut, iaitu batas yang seyogianya diambil berat oleh manusia untuk keselamatan dan kesejahteraan diri dan masyarakatnya.

Di samping kaedah-kaedah yang sudah ditetapkan dan beberapa batas-batas yang wajib diambil berat untuk keselamatan manusia sendiri, maka terbukalah bagi manusia bidang yang amat luas untuk menggunakan ijtihadnya dalam semua lapangan hidup, sesuai dengan kemajuan dan

tuntutan masa dan tempat. Agama dalam bidang ini, baharu akan mencampuri apabila usaha-usaha ijtihad itu, terkeluar dari batas-batas keadilan dan perikemanusiaan.

Segala kaedah-kaedah itu akan bertemu satu persatu pada tiap-tiap kali kita membahas sesuatu soal yang akan kita masukkan dalam Undang-undang Dasar Negara kita kelak, seperti soal hak-hak asasi, bentuk negara, dasar pergaulan dan ekonomi, dan lain-lainnya.

Adakah negara yang berdasarkan Islam seperti yang diterangkan itu sebuah negara teokrasi?

Jawabnya, sudah tentu, tidak!

Teokrasi ialah suatu cara pemerintahan yang dikemukakan oleh ketua-ketua agama (ketua-ketua gereja – P) yang berkuasa penuh dan bermaharajalela menjalankan pemerintahan sebagai wakil Tuhan. Islam tidak mengenal cara pemerintahan yang sedemikian itu.

Jadi, negara yang berdasarkan Islam bukanlah sebuah negara teokrasi. Ia sebuah negara demokrasi.

Ia adalah negara demokrasi Islam.

Saya harap, kami (anggota-anggota Perwakilan Masyumi), akan mendapat kesempatan yang luas. Baik dalam persidangan “Pengajaran, Pendidikan dan Kebudayaan”, dan juga lain-lain persidangan, untuk menghuraikan kaedah-kaedah yang saya maksudkan tadi itu.

Di sini saya cuba menghuraikan hanya beberapa kaedah Islam dalam garis besarnya.

Kita mengatakan bahawa pada bangsa kita ada nilai-nilai yang hidup dan baik-baik, seperti nilai tolong-menolong. Kalau orang tidak mahu mengatakan, bahawa Islamlah yang mula-mula mengajar nilai-nilai yang baik itu, maka nyatalah bahawa Islam telah berjasa dalam memeliharanya.

Memang Islam semenjak mula zahirnya adalah tersimpul di dalamnya sabda Nabi Muhammad (SAW): “*Innamā bu ‘ithu li utammima makārim al-akhlāq*” “Aku diutus oleh Allah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (demikian pula Islam tidak ketinggalan dari memberi teguran mengenai perkara-perkara yang terkeji): *Wa lā ta ‘āwanū ‘alā al-ithm wa al- ‘udwān* (Janganlah kamu berbantu-bantuan atas dosa dan pencerobohan – P.).

Satu lagi, misalnya, kita dapati pula satu nilai baik yang kita banggakan wujudnya di dalam diri bangsa kita, iaitu nilai demokrasi atau dasar bermesyuarat.

Islam berkata: Nilai mesyuarat ini dalam mengatur hidup, baik dalam masyarakat ataupun dalam hidup kenegaraan seyogialah dipelihara dan disuburkan, sebab satu ketentuan dalam ajaran Islam menghendaki supaya dalam mengatur urusan: yang mengenai soal menguasai orang ramai itu mestilah memperoleh keredaan daripada orang-orang yang diaturnya dan mestilah ia bermesyuarat apakala menjalankan sesuatu yang mengenai peri kehidupan dan kepentingan rakyat ramai. Ada peraturan yang tegas berbunyi: “*Wa shāwirhum fi al-amr*” (Bermesyuaratlah kamu dengan mereka di dalam urusan yang mengenai diri mereka). Ini ialah suatu ketentuan. Lebih tegas lagi, suatu perintah agama yang dengan sendirinya dirasai oleh orang yang beriman.

Dalam hal ini kedapatan Junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) dan sahabat-sahabatnya, pada masa seluruh dunia pada zaman itu sedang tenggelam di dalam kekuasaan yang bermaharajalela.

Cinta Tanah Air

Ada satu lagi nilai yang baik yang terdapat pada bangsa kita, iaitu bangsa kita mencintai tanah airnya.

Dan cinta tanah air dan bangsa itu memang fitrah (tabiat semulajadi – P.) manusia.

Nilai itu pun sayugialah dipelihara dan dipupuk. Apa kata Islam tentang ini? Al-Quran menjawab demikian “*Wa ja ‘alnākum shu ‘ūban wa qabā ‘il lita ‘ārafū*” (Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu kenal mengenal), yang menimbulkan harga menghargai, memberi dan menerima serta tolong menolong.

Ayat ini tegasnya mengakui adanya kebangsaan. Malah lebih teliti di situ disebutkan, bahawa kebangsaan itu tidak melenyapkan suku-suku bangsa. Bahkan ayat itu menunjukkan hikmat Tuhan mengadakan bangsa dan suku. Yakni supaya dengan demikian terjadi kenal mengenal dan harga menghargai.

Perasaan kebangsaan seperti yang saya katakan di atas termasuk tabiat fitrah manusia. Islam dalam seluruh ajarannya sentiasa memperhatikan apa yang terjadi dalam fitrah manusia. Maka tidak hairan apabila kita mendengar ayat tadi dengan sengaja menegaskan bahawa bangsa-bangsa dan suku-suku itu dijadikan untuk tujuan yang baik yang ringkasnya bekerjasama. Dan dengan sendirinya Islam memelihara cinta tanah air dan bangsa sebagai nilai yang baik dan sesuai dengan fitrah manusia.

Dalam pada itu Islam telah sedia mengetahui akan perasaan cinta bangsa atau kebangsaan yang berlebihan, yang melampaui batas yang biasanya menimbulkan perasaan sombong bongkak dan perasaan perkauman yang sempit. Islam telah sedia mengetahui hal itu, sebab itu maka ayat suci tadi, tidak terhenti seperenggan itu sahaja tetapi telah segera diikuti dengan peringatan Allah ‘Azza wa Jalla yang maksudnya: Walau setakat manapun anggapan salah seorang dari antara kamu akan dirinya

lebih mulia daripada yang lain, pada hakikatnya yang termulia di antara kamu hanyalah orang yang amat bertakwa kepada Tuhan yang berbuat kebajikan – (*Inna akramakum ‘inda Allāh atqākum*).

Cinta Kemerdekaan

Satu nilai lagi yang baik, yang terdapat pada bangsa kita, ialah: cinta kemerdekaan. Cinta kemerdekaan ialah suatu tabiat semulajadi yang terjalin dengan cinta tanah air.


Cuba kita lihat, bagaimana cinta kemerdekaan itu tatkala kita belum merdeka. Tiga ratus tahun lamanya bangsa kita dijajah oleh Belanda.

Islam memelihara nilai cinta kemerdekaan ini. Ia membangkitkan dan mengkobarkan nilai itu mana-mana yang belum tumbuh. Misalnya ada satu bangsa yang kerana tekanan penjajahan menyebabkan jiwanya mati dan tunduk sahaja diperbagikan dengan zalimnya. Bangsa yang demikian itu akan diperhidupkan jiwanya oleh Islam untuk melawan, memberontak, berperang terhadap penjajahan. Mengenai hal ini, al-Quran dengan tegas menjelaskan:

Diizinkan berperang mereka yang ditindas dengan zalim; Allah berjanji akan mengurniakan kemenangan kepada mereka, iaitu mereka yang telah dikeluarkan dari tanah air mereka dengan zalim.

Jika kita mahu menghitung lagi satu nilai, yang terdapat dalam jiwa bangsa kita, iaitu perbuatan suka membela yang lemah, maka nilai itu pun serta lain-lain nilai yang baik, adalah digalakkan oleh Islam. Adakah mengenai hal ini yang lebih tegas daripada apa yang telah diterangkan oleh al-Quran, demikian maksudnya:

Bukan semata-mata menyuruh membela orang lemah dengan erti yang bebas, akan tetapi Islam mengajak mengangkat senjata dan mempertahankan jiwa untuk melapaskan kaum lemah daripada tindakan zalim, iaitu mereka yang tidak berdaya dan tidak dapat berbuat apa-apa, kecuali mengeluh dan hanya dapat berkata: “Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri tempat kami diperlakukan dengan zalimnya oleh pihak yang berkuasa.”



Penuntut-penuntut tahun tiga “Maktab Latihan Guru-guru Melayu” Brunei, bergambar ramai untuk kenangan perpisahan setelah tamat belajar. Mereka mulai mengajar di sekolah-sekolah Melayu pada tahun 1958 ini.

Yang bersongkok di tengah-tengah ialah Cikgu Abdul Rahman al-Haj Hashim – guru agama.